

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 FEBRUARY 2017

Berang dengan soalan wartawan berhubung kerugian Bank Negara Malaysia

Kit Siang tetap mahu RCI

Um-8/2/2017

Oleh SYUKRI SHAARI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 FEB.

PENASIHAT DAP, Lim Kit Siang mempertahankan kenyataannya sebelum ini bahawa Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) perlu ditubuhkan bagi menyasat skandal Bumiputra Malaysia Finance Malaysia Ltd. (BMF) dan perdagangan mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang dikaitkan dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam sidang akhbar dihadiri kedua-dua pemimpin veteran itu, Kit Siang dilihat seolah-olah hilang sabar apabila diajukan soalan sama ada beliau akan 'menukar nada' sekiranya Dr. Mahathir tidak duduk semeja dengannya dalam majlis itu.

Kit Siang yang juga Ahli Parlimen Gelang Patah turut mencabar wartawan serta mana-mana pihak yang mendakwanya membuat pusingan U berhubung isu BMF dan perdagangan mata wang supaya mengemukakan bukti.

"Bagaimana anda mengatakan

Tubuh segera RCI, siasat kerugian perdagangan mata wang

BNM MUFLIS 1991?

- Kerajaan digesa tubuh Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) siasat sama ada Bank Negara Malaysia (BNM) muflis selepas rugi besar akibat perdagangan mata wang pada 1991.
- Siasatan bagi pastikan jumlah kerugian yang mungkin jauh lebih tinggi daripada AS\$10 bilion seperti didedahkan sebelum ini.
- Ada pihak dakwa kerugian sebenar BNM mungkin cecah AS\$150 bilion (RM660 bilion) dalam 'forex trading exposures' dan 'forex trading loss' melebihi AS\$30 bilion (RM132 bilion).



BERITA DIMUKA 9

KHAIRUL AZWAN HARUN
Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO

"Tindakan menutup fakta ini dianggap satu jenayah yang perlu disiasat bagi mencari mereka yang telah memanipulasi dan menyebabkan BNM muflis pada 1991."

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

saya menukar nada? Bagaimana saya mengatakannya dengan nada berbeza? Anda hanya membuat dakwaan yang tidak berasas.

"Saya telah membuat desakan supaya ditubuhkan RCI, siasat skandal BMF dan perdagangan mata wang. Saya kekal dengan pendirian itu, tetapi yang lebih penting ialah 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kerana itu merupakan isu semasa," katanya di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang ketika itu berada di sebelah Kit Siang hanya duduk dan mendiamkan diri selain memerhati gelagat pem-

impin DAP tersebut.

Terdahulu, ketika diminta mengulas mengenai penubuhan RCI untuk menyasat BMF dan BNM, Dr. Mahathir seolah-olah menyokong tetapi pada masa sama meletakkan syarat supaya suruhanjaya itu juga perlu ditubuhkan untuk menyasat 1MDB.

"Mereka dialu-alukan untuk berbuat demikian (tubuhkan RCI) tetapi mereka juga perlu melakukan perkara sama terhadap isu RM2.6 bilion dalam akaun Najib (Datuk Seri Najib Tun Razak) dan apa yang berlaku dengan duit 1MDB," jelasnya.

Sebagai rekod, kerajaan telah melaksanakan siasatan terhadap 1MDB yang antaranya melibatkan beberapa pihak seperti Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Situasi itu berbeza dengan isu BMF serta BNM yang ketika skandal itu berlaku tiada siasatan seumpamanya dilaksanakan, hanya membabitkan perbincangan di Parlimen dan laporan jawatankuasa inkuiri.

Kit Siang pada era pentadbiran Dr. Mahathir merupakan individu paling lantang mendesak supaya RCI ditubuhkan bagi menyasat skandal BMF serta perdagangan mata wang, selain menerbitkan dua buku mengenai isu berkenaan.

Semalam, Naib Ketua Pemuda UMNO, Senator Khairul Azwan Harun juga menggesa kerajaan menubuhkan RCI bagi menyasat punca kerugian besar dialami BNM pada awal 1990-an.

Sementara itu, sidang akhbar tersebut turut mengumumkan penyertaan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim dalam DAP.